

Memberi Dan Menerima Rasuah

Allah berfirman:

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”. (Al-Baqarah: 188)

Maksud dari kalimat “Janganlah kamu menghulurkan harta kamu kepada hakim”, adalah “jangan kamu merasuah atau menyogok hakim supaya kamu memenangi sesuatu kes yang dibicarakan, sedangkan kamu tahu bahawa hasil keputusan itu tidak halal bagimu.”

Abu Hurairah meriwayatkan sebuah hadis dari Rasulullah s.a.w.

“Allah melaknat orang yang memberi rasuah dan orang yang menerima rasuah dalam suatu perkara.”¹

Abdullah bin Amru berkata:

“Rasulullah s.a.w melaknat orang yang memberi rasuah dan orang yang menerima rasuah.”²

Para ulama berkata, “*Ar-Rasyi* adalah orang yang memberi rasuah dan *al-murtasyi* adalah orang yang menerima rasuah. Laknat akan menimpa orang yang memberi rasuah jika dia bermaksud menyakiti seorang muslim, atau mendapatkan sesuatu yang bukan haknya. Tetapi jika dia memberikan wang rasuah dengan maksud untuk memperolehi haknya atau menolak kezaliman terhadap dirinya, maka dia tidak termasuk orang yang terlaknat. Adapun bagi hakim, rasuah itu adalah haram; samada untuk membatalkan suatu hak atau pun mencegah kezaliman.”

Dalam sebuah hadis disebutkan bahawa, “*Laknat itu terkena juga keatas orang yang menjadi perantara kes rasuah.*”³ Ianya sebagaimana pemberi rasuah, jika niatnya baik dia tidak mendapat laknat, tetapi jika niatnya buruk dia pun dilaknat.

Dalam kitab Sunan Abu Daud diriwayatkan dari Abu Umamah al-Bahiliy bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Barangsiapa memberikan “rekomendasi” bagi saudaranya lalu orang itu memberinya hadiah kerana hal tersebut dan dia menerimanya, sesungguhnya dia telah mendatangi satu pintu terbesar dari pintu-pintu riba.”⁴

Abdullah bin Mas'ud berkata, “*Adalah “suht” (barang haram) jika kamu menerima pemberian saudara muslim mu atas bantuan yang kamu berikan dalam perkara yang diperlukannya.*”⁵

Diceritakankan bahawa Masruq memberitahu Ibnu Ziyad bahawa dia (Ibnu Ziyad) mempunyai

suatu tanggungan keatas seseorang. Ibnu Ziyad menyelesaikan hal itu. Lalu pemilik hak itu memberi Masruq seorang pelayan sebagai hadiah, namun dia menolaknya. Dia berkata, “*Aku pernah mendengar Ibnu Mas’ud berkata, Barangsiapa mengembalikan hak seorang muslim lalu orang itu memberinya sesuatu sedikit atau pun buruk, maka itu termasuk ‘suht’.*” Orang yang dibantu Masruq itu berkata, “*Wahai Abu Abdurrahman, kami menyangka bahawa suht itu terbatas pada urusan rasuah sahaja.*” Masruq menjawab, “*Itu adalah kufur*” (Diriwayatkan oleh at-Thabrani secara mauquf kepadanya).

Kita berlindung kepada Allah darinya. Juga memohon ampunan dan ‘afiyah dari segala bala dan kejahatan.

NOTA KAKI:

1 Diriwayatkan oleh Ahmad (2/387, 388), Al-Tirmizi (1336), Ibnul Jarud (585), Ibnu Hibban (5076), Al-Hakim (4/103), Al-Khathib dalam *Tarikhnya* (10/254). Hadis ini terdapat di dalam *Shahih Al-Jami’* (5093).

2 Diriwayatkan oleh Ahmad (2/164, 190, 212), Abu Daud (3580), At-Tirmizi (1337), Ibnu Majah (2313), Ath-Thayalisi (2276), Ibnul Jarud (586), Ibnu Hibban (5077), Al-Hakim (4/102). Dan hadis ini adalah hadis *hasan*.

3 Dalam hadis Abdurrahman bin Auf menggunakan “Allah melaknat orang yang memakan dan yang memberi makan iaitu memberi rasuah dan yang menerima rasuah. “Asy-Syaikh Al-Abani berkata dalam *Al-Irwa’* (8/245) diriwayatkan oleh Abu Nu’aim dalam *Al-Qadha’* dan sanadnya dha’if. Kukatakan, hadis ini diriwayatkan oleh Abu Syaibah (6/549,587), Ath-Thabrani (2/94/1415) dan Al-Baihaqi (5/51) dari Tsauban secara *marfu’* dengan lafaz, “*Rasulullah melaknat orang yang memberi rasuah, yang menerima rasuah dan perantarnya.*” Didha’ifkan oleh Asy-Syaikh dalam *Dhai’f Al-Jami’* (4687)

4 *Hasan*. Diriwayatkan oleh Ahmad (5/261), Abu Daud (3524) dan Ath-Thabrani (7853, 7928) dari Abu Umamah dan dihasankan oleh Asy-Syaikh dalam *Shahih Al-Jami’* (6316)

5 Diriwayatkan oleh Abdur Razzaq (8/147 – 148), Ibnu Jarir (6/257), Al-Baihaqi (10/139) dalam *Asy-Syu’ab* (5116) dan para perawinya tsiqat.

• Nota: Saringan oleh www.darulkautsar.net dari buku terjemahan “Al-Kabair (Dosa-dosa Besar)’ karangan Imam Az-Zahabi. Buku terjemahan asal boleh dicapai di sini- • Nota: Saringan oleh www.darulkautsar.net dari buku terjemahan “Al-Kabair (Dosa-dosa Besar)’ karangan Imam Az-Zahabi. Buku terjemahan asal boleh dicapai di sini- <https://drive.google.com/file/d/0B0r1wFGeMOw5eDdpZjM4a2YyRG8/edit>